

# Gaya DAKWAH

Utusan Malaysia  
25.11.2020  
M/S 21



MASYARAKAT patut menyokong garis panduan baharu DBKL iaitu mulai 1 Oktober 2021, kedai runcit, kedai serbaneka dan kedai ubat Cina di Kuala Lumpur tidak lagi dibenarkan menjual minuman keras. - GAMBAR HIASAN

## Hadkan jual arak, rugi atau untung?

**S**AYA menyambut baik keputusan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) tidak membenarkan penjualan minuman alkohol di kedai runcit, serbaneka dan kedai menjual ubat tradisional Cina sekitar Kuala Lumpur bermula 1 Oktober 2021. Selain itu, premis perniagaan menjual minuman keras yang memabukkan tidak dibenarkan beroperasi berhadapan dengan balai polis, rumah ibadah, sekolah dan hospital.

Undang-undang seperti ini mungkin undang-undang baharu tetapi ia bukanlah sesuatu yang baharu di negara lain yang majoriti penduduk dan kerajaannya bukan Muslim. Keputusan ini tidak seharusnya ditiupkan sebagai sentimen Islam lawan bukan Islam.

Malaysia perlu rasa malu kerana Singapura lebih awal

**TERANG BUKAN SERANG**

Oleh  
Firdaus Wong Wai Hung

menguat kuasakan undang-undang yang hampir sama pada 1 April 2015 berbanding Malaysia, sebuah negara majoriti Muslim.

Di Singapura, tidak boleh minum arak dari 10.30 malam hingga 7 pagi manakala di kawasan Geylang dan Little India mereka dilarang minum arak mulai 7 pagi Sabtu hingga 7 pagi Isnin.

Di Ireland, bukan sahaja dihadkan penjualan arak dari 10.30 pagi sehingga 10 malam pada hari biasa dan 12.30 tengah hari hingga 10 malam Ahad tetapi mereka juga mengharamkan pengiklanan arak di pengangkutan awam, hentian/stesen bas serta di pawagam bermula 12

November 2019. Perancis turut mengharamkan pengiklanan arak secara terbuka pada 1991!

### BERKESAN TURUNKAN KADAR JENAYAH

Kita berada di zaman data dan statistik. Saya percaya pihak DBKL telah mengkaji sebelum menguat kuasakan undang-undang baharu ini. Ia seharusnya disokong oleh semua pihak jikalau mereka benar-benar individu yang mementingkan fakta dalam perbincangan bukan sekadar emosi.

Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) dalam satu laporan ([https://www.who.int/substance\\_abuse/safer/en/](https://www.who.int/substance_abuse/safer/en/)) mengesyorkan untuk menghadkan tempat dan waktu penjualan minuman alkohol sebagai antara cara mengurangkan penyalahgunaan alkohol dan jenayah yang

mungkin berlaku akibat penyalahgunaan alkohol.

Satu kajian di bandar Diadema di Brazil yang mempunyai kadar pembunuhan yang sangat tinggi di mana 65% kes pembunuhan di bandar Diadema adalah berkaitan dengan pengambilan alkohol. Waktu pembunuhan adalah antara 11 malam hingga 6 pagi.

Melihat kepada data yang menakutkan, pada Julai 2002, undang-undang baharu mewajibkan bar ditutup pada 11 malam. Hasilnya, kes pembunuhan menurun 44 peratus dan kes penderaan wanita menurun 17 peratus.

Andai menghadkan waktu jualan arak boleh menurunkan kes pembunuhan dan penderaan wanita, saya percaya apabila undang-undang baru DBKL berkuat kuasa 1 Oktober 2021, ia akan membantu menurunkan kes kemalangan,

kematian dan jenayah yang berkaitan dengan arak.

### HADKAN JUALAN ARAK JEJASKAN EKONOMI?

Tidak kurang ada pihak yang mengatakan undang-undang baru ini tidak mesra ekonomi kerana ramai yang terjejas kerana Covid-19, maka undang-undang ini akan memburukkan lagi keadaan.

Kerisauan mereka mungkin ada asasnya kerana menurut Penyata Rasmi Parlimen bertarikh 8 Oktober 2019, hasil cukai langsung pada tahun 2019 ialah sebanyak RM137 bilion. Daripada jumlah itu, RM7 bilion adalah daripada hasil cukai haram dan RM1.99 bilion daripada cukai haram itu diperolehi daripada arak. Hampir RM2 bilion cukai arak dikutip oleh kerajaan setiap tahun.

Utusan Malaysia  
25.11.2020  
M/S 22**Dari muka 21**

Memandangkan ramai yang membantah undang-undang baru ini sering menjadikan dunia barat sebagai perbandingan dan rujukan, suka saya bawakan satu kajian *Centers for Disease Control and Prevention*, Jabatan Kesihatan & Perkhidmatan Kemanusiaan AS pada 2010 yang mengatakan pengambilan alkohol berlebihan membunuh 88,000 individu setiap tahun di AS yang mengakibatkan kerugian AS\$249 bilion kepada negara Uncle Sam itu setiap tahun!

Daripada jumlah kerugian keseluruhan, sebanyak 72 peratus kos ialah hasil akibat daripada hilangnya produktiviti kerja, (10 peratus) untuk mengambil tindakan terhadap penjenayah, (11 peratus) kos perubatan akibat kemalangan dari pengambil alkohol berlebihan manakala 5 peratus adalah kos daripada kemalangan jalan raya. Kos ini terpaksa dibayar oleh kerajaan AS menggunakan cukai yang dibayar oleh rakyat.

Jabatan tersebut turut mencadangkan agar menaikkan harga alkohol serta menghadkan tempat dan waktu jualan alkohol

**PEMANDU mabuk antara penyebab kemalangan maut di negara ini. - GAMBAR HIASAN**

sebagai langkah pencegahan paling berkesan. (Sumber - <https://www.cdc.gov/features/costsofdrinking/index.html>)

Statistik Kementerian Kesihatan Malaysia pula menunjukkan satu daripada 10 rakyat Malaysia atau 11.8% mengambil minuman beralkohol di mana satu

dalam dua individu minum secara mudarat atau sehingga mabuk. Selain itu, satu daripada 10 peminum alkohol minum sehingga mabuk sekurang-kurangnya sekali seminggu!

Ya, mungkin negara akan kehilangan sedikit hasil cukai akibat dari undang-undang

baru ini tetapi kita juga perlu mengira dari segi kerugian yang akan ditanggung oleh negara dan pembayar cukai akibat dari jenayah dan kemalangan yang telah dan bakal diakibatkan dari pengambilan minuman alkohol.

Apa yang lebih

membingungkan saya - bukannya bantahan dari ahli politik atau persatuan peniaga yang terlibat dalam industri alkohol tetapi diamnya wakil agama dari Majlis Perundangan Malaysia Agama Buddha, Kristian, Hindu, Sikh dan Tao (MCCBCHST) tentang undang-undang ini.

Ita amat berbeza semasa saya berjumpa dan berbincang dengan mereka selepas sesi dialog antara agama di mana majoriti wakil agama bersetuju alkohol memudaratkan. Malah ada wakil agama memberitahu saya bahawa agama mereka mengharamkan pengambilan alkohol.

Apabila saya bertanya, kenapa mereka tidak bersama dengan kami (organisasi Islam) untuk membantah pesta arak dan sebagainya, mereka sekadar senyum dan berdiam diri.

Dalam soal ini, suka saya bertanya kepada mereka yang membantah undang-undang baru ini dengan pelbagai alasan, apakah nada mereka hanya akan berubah andai ahli keluarga mereka terbunuh atau anak perempuan mereka dipukul oleh suami yang kaki mabuk hanya kerana risau peti undi serta risau ekonomi terjejas?

Jangan untung secupak rugi segantang.